

29 APR 1997

Kuan Yew-Reaksi (Rangkuman)

MALAYSIA SAMBUT BAIK LANGKAH KUAN YEW TARIK BALIK KENYATAAN

PETALING JAYA, 29 April (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata langkah Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew mendapatkan perintah mahkamah di republik itu untuk menarik balik kenyataannya yang menghina Johor, merupakan satu perkembangan baik.

"Baguslah...kita harap selepas ini hubungan akan bertambah baik," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perasmian Kongres Kebangsaan Wawasan 2020 di Bandar Sunway dekat sini.

Perasmian itu dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Semalam, Mahkamah Tinggi Singapura mengarahkan supaya perkataan-perkataan yang menghina Johor yang terkandung dalam affidavit bersumpah bekas Perdana Menteri Singapura itu dalam kes samannya terhadap ahli politik pembangkang Singapura Tang Liang Hong ditarik balik.

Kenyataan Lee yang menyebut Johor sebagai negeri yang masyhur dengan "tembak-menembak, samun dan rampas kereta" itu telah menimbulkan kemarahan di kalangan rakyat dan pemimpin Malaysia.

Ekoran itu Lee meminta maaf dan berjanji untuk mengeluarkan perkataan-perkataan itu daripada affidavit berkenaan. Malaysia juga telah menerima permohonan maaf Lee itu.

Walaupun perkembangan itu merupakan sesuatu yang baik, Abdullah berkata ia akan mengambil masa untuk membawa hubungan kedua-dua negara ke tahap asal.

"Kita harap tidak akan berlaku apa-apa lagi sementara itu atau dalam waktu ini," katanya.

Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman juga menyambut baik tindakan Lee menarik balik kenyataannya itu.

"Dia telah menunaikan apa yang telah dia janjikan," kata Abdul Ghani yang turut menghadiri kongres itu.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak juga menyifatkan tindakan Lee sebagai satu langkah penting untuk meneruskan hubungan antara kedua-dua negara.

"Kita sukacita mendapati yang beliau telah menunaikan janji beliau dan kita harap kita dapat melangkah seterusnya dan memandang pada aspek-aspek yang substantif dalam hubungan kita pada masa akan datang," katanya.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata pergerakan itu menerima dengan positif dan hati terbuka usaha yang dilakukan oleh Lee itu.

"Kita harap lepas ini tidak ada lagi kenyataan-kenyataan sama ada secara langsung atau tidak langsung dikeluarkan yang boleh menyentuh perasaan rakyat Malaysia," katanya.

Ahmad Zahid berkata, Pemuda Umno bercadang untuk menjemput para pemimpin muda Parti Tindakan Rakyat (PAP), parti yang memerintah Singapura, untuk bertukar-tukar lawatan.

Beliau berkata Pemuda Umno berharap lawatan-lawatan itu akan dapat membina "jambatan" persahabatan yang lebih erat antara kedua-dua negara.

"Kita tutup buku lama, kita buka buku baru," katanya. -- BERNAMA

AH AZZ NMO